



CyberSecurity
MALAYSIA

KEMENTERIAN DIGITAL

SIARAN MEDIA

JENAYAH SIBER MENINGKAT: JELAJAH ANTI-SCAM PERKUKUH KESEDARAN RAKYAT TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 19 Jun 2025 – Sepanjang tahun 2024, Pusat Tindak Balas Insiden Keselamatan Siber – Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia telah merekodkan sebanyak **6,209 insiden keselamatan siber**, dengan **4,219 daripadanya melibatkan kes penipuan dalam talian**. Jumlah ini menunjukkan peningkatan ketara sebanyak **13.9%** berbanding **3,705 kes yang direkodkan pada tahun 2023**, sekali gus menggambarkan trend jenayah siber yang semakin membimbangkan.

Sehubungan itu, CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) serta sokongan daripada Kementerian Digital, meneruskan usaha membanteras jenayah siber menerusi penganjuran **Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan (JASK) 2025 – Peringkat Negeri Terengganu**. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pengisian Sambutan Hari Keselamatan Internet 2025 – Edisi Malaysia yang mengangkat tema “*Kepercayaan Digital: Membina Komuniti Berdaya Tahan*”.

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu penggunaan akaun keldai dalam aktiviti penipuan kewangan. Peserta turut didedahkan kepada risiko dan implikasi undang-undang yang berkaitan, di samping dibimbing untuk mengenal pasti taktik dan modus operandi terkini penjenayah siber.

Program ini juga berkongsi panduan serta langkah pencegahan bagi mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa, khususnya dalam kes penyalahgunaan akaun bank oleh pihak ketiga. Di samping itu, ia turut memperkuuh kerjasama antara agensi penguatkuasaan, institusi pendidikan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperluas capaian serta keberkesanan program kesedaran ini.

Antara pengisian menarik dalam edisi Terengganu ialah siri dialog dan forum yang menampilkan pakar-pakar daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), CyberSecurity Malaysia, Bank Negara Malaysia, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), serta agensi dan NGO berkaitan. Turut diadakan ialah sesi kesedaran bertajuk *“Artificial Intelligence and Dark Web: Navigating the Future of Cyber Security”* yang menyentuh isu-isu ancaman baharu dalam lanskap keselamatan siber.

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu belangsung pada 18 dan 19 Jun 2025 bertempat di Auditorium Mahyudin, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu. Program ini menyasarkan penyertaan seramai 300 orang pelajar UMT serta 100 peserta yang terdiri daripada penjawat awam negeri, pensyarah, dan kakitangan UMT.

Penganjuran program ini diharap dapat menyemai budaya celik siber dalam kalangan masyarakat, memperkuuh kepercayaan digital, dan membina komuniti yang lebih peka dan berdaya tahan terhadap ancaman penipuan siber yang semakin canggih.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pemasaran & Komunikasi Korporat

CyberSecurity Malaysia

media@cybersecurity.my